

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN
KEBANGSAAN 1992

TEMPAT: TAMAN PERTANIAN INDERA MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

TARIKH: 06 AUG 1992

MASA:

Saya merasa sukacita dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat sekali lagi hadir bersama-sama dengan wakil-wakil peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara sempena Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992.

2. Perjumpaan kita di negeri Pahang Darul Makmur kali ini membawa erti yang besar kerana tahun ini merupakan tahun bermulanya pelaksanaan perancangan pembangunan pertanian negara seperti yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

3. Tema "Wawasan Memajukan Pertanian" pada tahun ini amat tepat sekali. Ianya adalah selaras dengan wawasan kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Memandangkan sektor pertanian adalah salah satu sektor yang penting dalam ekonomi negara, maka adalah wajar kita mempunyai satu wawasan untuk memajukannya dengan lebih berkesan. Dengan adanya satu wawasan yang jelas dan dibentuk dengan teliti saya yakin sektor pertanian akan dapat dimajukan ke suatu tahap yang lebih tinggi dan canggih.

4. Berbagai-bagai cabaran pasti kita hadapi dalam usaha kita mencapai matlamat wawasan memajukan sektor pertanian. Tahun 2020 akan merupakan era kehidupan yang berasaskan kemajuan sains dan teknologi. Ini sudah tentu memerlukan satu perubahan yang kritikal dalam cara hidup, pemikiran serta sikap kita di samping kemampuan untuk bersaing di dalam pasaran terbuka. Ia memerlukan satu kekuatan yang jitu dan profesionalisme yang tinggi supaya tenaga setiap lapisan peladang, penternak dan nelayan dapat digemblengkan. Kemajuan bidang pertanian ini juga memerlukan kekuatan dalam bidang ekonomi yang merangkumi perdagangan dan kukuh kewangan di samping kestabilan politik yang berterusan.

5. Untuk menempuh tahun 2020, para peladang, penternak dan nelayan akan menghadapi cabaran yang besar kerana perubahan amalan perdagangan antarabangsa, perlindungan pasaran dan persaingan daripada negara-negara yang mengeluarkan hasil dan barangan pertanian yang sama. Masalah ini tidak boleh dipandang ringan kerana sektor pertanian masih menjadi sumber pendapatan utama kepada sebahagian besar penduduk

negara, terutama mereka yang di luar bandar. Lebih penting lagi ialah sektor ini membekalkan makanan kepada negara.

6. Pertumbuhan sektor pertanian negara pada tahun lalu kekal di paras empat peratus seperti pada tahun 1990. Dengan itu, sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus merosot kepada 17.2 peratus daripada 18.8 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan sektor pertanian yang kurang menggalakkan ini membayangkan masa hadapan sektor pertanian negara akan dipenuhi dengan pelbagai cabaran.

7. Di antara masalah pertanian ialah penghijrahan tenaga muda dari luar bandar ke bandar kerana mereka lebih terpelajar dan industri pembuatan memberi pendapatan yang lebih tinggi serta kerja yang selesa kepada mereka. Kita boleh mengatasi masalah kekurangan tenaga ini dengan mengambil pekerja asing tetapi ini akan menimbulkan banyak masalah di masa depan. Kita juga boleh mengurangkan pengeluaran hasil tani dan bergantung kepada import untuk bekalan makanan kita. Tetapi di waktu kecemasan kita akan kekurangan makanan.

8. Di mana-mana negara yang mengalih kepada industri pembuatan untuk pertumbuhan ekonomi, masalah kekurangan tenaga pekerja dalam sektor pertanian terpaksa dihadapi. Pendekatan negara-negara industri ialah dengan menggantikan tenaga manusia dengan jentera. Bukan sahaja jentera boleh menggantikan tenaga manusia, tetapi ia juga kerap kali lebih cekap. Tetapi untuk beralih kepada jentera pertanian perubahan dalam cara-cara pertanian terpaksa dibuat.

9. Sekarang ini memang jentera-jentera sudahpun digunakan sekian lama dalam bidang pertanian di Malaysia. Tetapi kecekapan yang tinggi tidak diperolehi kerana cara-cara pengurusan masih untuk pertanian secara kecil-kecilan. Dengan itu, jentera yang terbaik tidak dapat digunakan dengan cekap. Sawah padi, kebun buah-buahan dan kebun sayur masih kecil dan dimiliki oleh orang perseorangan yang biasanya kekurangan modal. Sistem pengurusan ala estet besar tidak dapat diadakan.

10. Kita tahu bahawa ladang getah dan kelapa sawit yang besar mengeluarkan hasil yang lebih tinggi bagi setiap satu hektar daripada ladang kecil. Sebenarnya luas estet getah yang besar jika dijumlahkan hanya setengah sahaja daripada jumlah luasnya estet-estet pekebun kecil. Sebaliknya jumlah pengeluaran getah oleh estet besar adalah sekali ganda lebih daripada jumlah semua getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil. Oleh itu, adalah tidak mustahil penanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran boleh memberikan hasil yang lebih tinggi jika diusahakan secara estet besar-besaran.

11. Hakikatnya ialah lambat laun anak penanam padi, pekebun sayur, buah-buahan, penternak dan nelayan akan mendapat pelajaran tinggi dan tidak lagi berminat untuk bekerja

sebagai buruh tani di kebun, di sawah dan di laut. Yang lain akan lebih suka bekerja di kilang-kilang yang mungkin lebih selesa serta memberi pendapatan yang lebih tinggi. Dengan ini tidak dapat tidak, pertanian secara kecil-kecilan di atas tanah milik keluarga terpaksa dihentikan. Akan bertambahlah tanah-tanah terbiar. Di samping itu negara terpaksa mengimport semua makanan. Walaupun pekerja asing digunakan, estet besar lebih mampu mengurus pekerja asing daripada petani kecil yang biasanya menggunakan pekerja di masa-masa tertentu sahaja.

12. Akan sampai satu ketika pilihan terpaksa dibuat. Jika kita masih ingin bertani, lebih baiklah kita terima kemungkinan perubahan mulai sekarang dan membuat persediaan yang diperlukan. Sepertimana bandar-bandar kita sudah tidak lagi terhad kepada deretan kedai satu atau dua tingkat tetapi dipenuhi dengan bangunan pencakar langit, begitu juga akhirnya kawasan luar bandar akan bertukar wajah kepada kampung-kampung yang tersusun di pinggir ladang-ladang yang luas milik koperasi atau syarikat perladangan.

13. Bidang pertanian juga akan diperluaskan. Jika dahulu kita hanya menanam padi, kelapa dan getah, sekarang kita juga menanam kelapa sawit dan koko. Di masa hadapan kita akan menanam buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga dan menternak lembu, bebiri, rusa, arnab dan lain-lain binatang secara estet besar-besaran. Di laut tangkapan ikan akan dibuat oleh bot besar di laut dalam.

14. Kawasan luar bandar akan berubah wajah. Mungkin ada yang akan kesal kerana kehilangan kampung-kampung tradisional. Tetapi sebenarnya perubahan sudah pun berlaku semenjak getah dibawa ke Malaysia. Negara yang terus mengekalkan cara hidup lama akan ketinggalan, miskin dan merana. Kita boleh lihat negara-negara seperti ini dan pemandangannya amat menyedihkan. Kampung-kampung tradisional kita, sebenarnya kerap kali dipenuhi dengan pondok-pondok yang tempang, kotor serta tidak mempunyai kemudahan-kemudahan moden. Lukisan rumah kampung dengan pohon kelapa dan bulan mengambang memang cantik dan menarik. Tetapi untuk tinggal di rumah yang cantik seperti di dalam lukisan ini adalah suatu penyiksaan dan tidak sesuai dengan zaman moden ini. Namun ciri-ciri yang baik daripada kampung boleh dikekalkan dalam kampung yang lebih tersusun di mana akan dihuni oleh sebilangan kecil sahaja penduduk di masa hadapan.

15. Petani di zaman akan datang perlu terdiri daripada orang-orang yang terpelajar dan lebih terlatih dalam penggunaan alat-alat moden dan cekap dalam bidang pengurusan estet. Kebanyakan akan memiliki saham dalam syarikat besar mengikut nilai tanah dan harta mereka. Mereka mungkin bekerja dalam estet mereka atau bekerja di lain tempat kerana tenaga manusia yang diperlukan akan berkurangan. Bahkan pengurusan ladang mereka akan dibuat oleh pengurus profesional, mungkin daripada kalangan anak-anak mereka.

16. Inilah Wawasan Pertanian kita. Masa yang lebih panjang mungkin diperlukan. Berbagai-bagai rintangan dan kekecewaan akan diharungi dalam perjalanan ke arah wawasan ini. Bangsa yang cekap ialah bangsa yang sanggup menerima kenyataan ini dan membuat persiapan untuk mengelak dari berlakunya terlalu banyak peristiwa yang mendukacitakan.

17. Langkah pertama dan yang terpenting untuk mengelak peristiwa-peristiwa yang tidak diingini berlaku terlalu kerap ialah dengan menentukan sikap kita. Biasanya sebelum sesuatu perubahan diterima, bantahan dan bangkangan terpaksa dihadapi. Kebanyakan daripada bantahan dan halangan ini disebabkan oleh keraguan dan kecenderungan untuk hidup dengan keadaan yang biasa. Ini adalah sifat semulajadi manusia. Malangnya tentangan dan halangan ini hanya merumit dan melambatkan proses perubahan. Akhirnya akan berlaku juga perubahan. Sebaliknya jika sikap sanggup menerima perubahan dipupuk, maka perubahan akan berlaku secara lebih licin dan tersusun serta mendatangkan lebih banyak manfaat dengan lebih cepat. Mereka yang berhempas-pulas menentang perubahan tidak akan berjaya kerana akhirnya perubahan akan berlaku juga. Hanya kerugian sahaja yang diperolehi daripada sikap tidak sanggup menerima perubahan ini.

18. Dalam perjalanan kita ke arah Wawasan Pertanian ini kita boleh mencontohi pengalaman nelayan-nelayan yang tinggal di pulau-pulau yang menjadi pusat pelancongan semenjak beberapa tahun ini. Nelayan-nelayan ini adalah di antara golongan yang termiskin di negara kita. Masa depan mereka kelihatan amat gelap. Tetapi apabila industri pelancongan berkembang maju nelayan yang tidak berpelajaran pun ternampak peluang dari industri ini. Selain daripada bekerja di hotel-hotel, mereka mendirikan chalet mereka sendiri dan menjadikan bot ikan mereka sebagai bot pelancong. Pendapatan mereka berlipat ganda berkali-kali sehingga industri tangkapan ikan terjejas.

19. Pendekatan untuk menghadapi masalah ini bukanlah secara memaksa nelayan terus menangkap ikan secara lama. Pendekatan yang sesuai ialah dengan menggunakan bot yang lebih besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Kemungkinannya ialah nelayan laut dalam akan mendapat pendapatan yang lebih baik. Tetapi perubahan sikap yang radikal diperlukan kerana nelayan laut dalam terpaksa berada di lautan berminggu-minggu bahkan berbulan-bulan. Dapatkah kita mengubah sikap nelayan? Jika tidak, kita akan kekurangan ikan atau bergantung kepada orang asing untuk mendapatkan bekalannya.

20. Demikianlah walaupun modal dan kemudahan ada, tetapi jika sikap tidak disesuaikan, perubahan tidak akan mendatangkan sebarang hasil. Perubahan tetap akan berlaku di negara kita sama ada kita mengejar sesuatu wawasan atau tidak. Tetapi jika kita sudah pastikan wawasan kita, adalah lebih mudah bagi kita membuat persiapan semangat, sikap dan material yang lebih berkemungkinan berjaya.

21. Wawasan Memajukan Pertanian adalah selangkah dalam persiapan kita semua -- peladang, penternak, nelayan dan Kerajaan -- untuk meningkatkan keupayaan kita mencapai matlamat murni ini. Hari Peladang, Penternak dan Nelayan berguna untuk menyediakan semua di dalam sektor ini supaya bersama-sama berganding bahu dengan mereka di dalam sektor-sektor lain dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Hari ini juga memberi kesedaran dan kefahaman akan peranan yang perlu kita mainkan untuk menjayakan Wawasan 2020.

22. Insya-Allah jika kita sedar dan faham, matlamat Wawasan Pertanian akan tercapai dan negara maju yang dicita-citakan akan menjadi kenyataan.

23. Saya berdoa kita semua akan memperolehi kejayaan ke arah ini.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992 ini.